

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Monday, October 29, 2018 3:05 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Seimbangkan Pembangunan Modal Insan Dan Ranking Universiti



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT

Universiti Utara Malaysia

29 OKTOBER 2018 / 20 SAFAR 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

SEIMBANGKAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN DAN RANKING UNIVERSITI



UUM ONLINE: Warga Universiti Utara Malaysia (UUM) diminta untuk menggunakan ruang dan meningkatkan inisiatif bagi mengimbangi pembangunan modal insan dan melonjakkan ranking universiti.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Yusnidah Ibrahim berkata, UUM telah mengecapi pencapaian yang memberangsangkan hasil usaha semua Pusat Pengajian dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang menyumbang kepada kedudukan tersebut.

Bagaimanapun, menurutnya, masih ada ruang dan inisiatif yang boleh dilakukan lagi untuk meningkatkan ranking universiti tetapi pada masa tidak mengabaikan pembangunan modal insan.

"Baru-baru ini Menteri Pendidikan menyatakan tentang kepentingan universiti untuk melihat aspek penglibatan komuniti dan modal insan, malah Naib Canselor juga turut menekankan tentang usaha untuk '*humanising education*' atau menginsankan pendidikan.

"Kita tidak mahu meletakkan ranking menjadi keutamaan kerana terdapat perkara lain yang lebih penting seiring dengan status UUM sebagai universiti pengurusan tetapi ranking tetap penting, justeru saya mahu ia dapat diseimbangkan supaya kita tidak ketinggalan jauh dari universiti lain," katanya ketika mempengerusikan Mesyuarat Pembentangan Pencapaian Suku Ketiga (Jan-September) Pelan Strategik 2018 di Bilik Mesyuarat Senat, hari ini.

Beliau juga mengingatkan semua ketua teras, ketua PTJ dan pembekal data supaya dapat mengambil langkah khusus agar setiap laporan dikemukakan adalah benar dan tepat, selain sentiasa membuat semakan pencapaian dari semasa ke semasa menerusi sistem yang disediakan.

Pencapaian suku ketiga itu telah dibentangkan Pengarah Institut Pengurusan Kualiti (IPQ), Prof. Dr. Nor Aziah Abd Manaf berdasarkan empat teras dalam Pelan Strategik iaitu Teras 1 (Mempertingkatkan Kesarjanaan dan Pengantarabangsaan); Teras 2 (Pembangunan Modal Insan dan Pengurusan Bakat); Teras 3 (Membangun Mahasiswa Secara Holistik) dan Teras 4 (Menjana Kekayaan).

Sebanyak 198 Petunjuk Prestasi (PI) suku ketiga telah dibentangkan dan daripada jumlah tersebut, 47 peratus PI telah mencapai indikator hijau, 10 peratus berwarna kuning, 29 peratus berwarna merah dan 14 peratus berwarna hitam.

Prof. Dr. Nor Aziah turut membentangkan pencapaian mengikut teras berdasarkan PI, prestasi 17 pusat pengajian mengikut PI dan juga penekanan PI berimpak tinggi mengikut pusat pengajian.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
04-928 3048/3049/3052/3061
04-928 3053
ukkuum@uum.edu.my
Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.